

Headline	PDRM kekal kuasai carta		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Apr 2014	Color	Black/white
Section	Sukan	Circulation	138,805
Page No	51	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	134 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,350
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,050



PDRM kekal kuasai carta

Kuala Lumpur: PDRM terus mengukuhkan cengkaman di tangga teratas Liga Perdana selepas membelasah KL SPA 7-1 di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya, semalam.

Biarapun berkongsi 26 mata dengan Pulau Pinang yang berada pada kedudukan kedua, skuad bimbingan Dollah Salleh itu berkelebihan satu perlawanan dan berada di landasan tepat dalam misi memburu trofi Liga Perdana, musim ini sekali gus layak ke saingan Liga Super musim depan.

Dalam aksi semalam, penyerang import, Chad Charles Souza dan Ali Ashfaq muncul wira PDRM apabila masing-masing meledak dua gol.

Pemain kelahiran Brazil itu menggegar jaring gawang KL SPA minit ke-70 dan 84 manakala Ashfaq yang membuka tirai jaringan pada minit ke-32 turut mencatat gol kedua peribadi minit ke-89.

Tiga lagi gol PDRM dijaringkan oleh Bobby Gonzales di lewat babak pertama perlawanan, Mohd Fazilidin Khalid (86) dan satu gol sendiri pemain lawan, Hafisuzan Salehudin (90). Gol sagu hati KL

SPA hadir menerusi A Puvanarajah pada minit ke-68.

Di Stadium Hang Jebat, Pa-ya Rumpit, Felda United mengutip tiga mata untuk kekal di tangga ketiga liga selepas menewaskan DRB Hicom 3-1.

Di Stadium Darul Aman, Negeri Sembilan turut mengutip tiga mata dengan menewaskan Perlis 1-0 hasil jaringan Kim Jin Ryong sekali gus memastikan pasukan itu kekal sebagai pencabar utama untuk layak ke saingan Liga Super musim depan.

Di Stadium UiTM Shah Alam, UiTM FC gagal memanfaatkan kelebihan beraksi di laman sendiri apabila tewas 1-3 di tangan Kedah.

Di Stadium Likas, Kota Kinabalu, Sabah menamatkan badi empat seri berturut-turut apabila bangkit dari ketinggalan sebelum menewaskan PBAPP FC dengan kemenangan selesa 3-1.

Di Stadium Bandaraya Pulau Pinang, tuan rumah terus mengekori rapat PDRM apabila mengutip tiga mata penuh selepas membenam Johor Darul Ta'zim II (JDT II) 4-1. – **Oleh Nazri Abu Bakar, Bashah Zainol Abidin dan Willie Jude Junaidi**